

**PROGRAM GEMPUR KECEMERLANGAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2024
NEGERI PERLIS**

**PROGRAM GEMPUR KECEMERLANGAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
PENDIDIKAN ISLAM
Kertas 1
September
2 jam 30 minit**

1223/1

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi lima soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang di dalam buku jawapan tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan. Helaian tambahan (jika ada) hendaklah diikat dan dihantar bersama-sama buku jawapan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 5 halaman bercetak

Jawab *semua* soalan

1 (a) Firman Allah SWT:

قَدْ خَلَتْ مِنْ قَبْلِكُمْ سُنَنٌ فَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَانظُرُوا كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ الْمُكْذِبِينَ ﴿١٣٧﴾
 هَذَا بَيَانٌ لِلنَّاسِ وَهُدًى وَمَوْعِظَةٌ لِّلْمُتَّقِينَ ﴿١٣٨﴾ وَلَا تَهِنُوا وَلَا تَحْزَنُوا وَأَنْتُمْ الْأَعْلَوْنَ إِنْ كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ ﴿١٣٩﴾

(سورة آل عمران، 3: آية 137-140)

Ayat di atas menerangkan tentang sunatullah dalam kehidupan manusia.

Berdasarkan ayat di atas,

- (i) Nyatakan maksud *sunatullah*. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** kepentingan mengkaji dan meneliti sejarah umat terdahulu. [2 markah]
- (iii) Terangkan **dua** kesan memahami sunatullah. [4 markah]

(b) Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: سَبْعَةٌ يُظِلُّهُمُ اللَّهُ فِي ظِلِّهِ يَوْمَ لَا ظِلَّ إِلَّا ظِلُّهُ: الْإِمَامُ الْعَادِلُ، وَشَابٌّ نَشَأَ فِي عِبَادَةِ رَبِّهِ، وَرَجُلٌ قَلْبُهُ مُعَلَّقٌ فِي الْمَسَاجِدِ، وَرَجُلَانِ تَحَابَّا فِي اللَّهِ اجْتَمَعَا عَلَيْهِ وَتَفَرَّقَا عَلَيْهِ، وَرَجُلٌ طَلَبَتْهُ امْرَأَةٌ ذَاتُ مَنْصِبٍ وَجَمَالَ فَقَالَ إِنِّي أَخَافُ اللَّهَ وَرَجُلٌ تَصَدَّقَ أَخْفَى حَتَّى لَا تَعْلَمَ شِمَالُهُ مَا تُنْفِقُ يَمِينُهُ، وَرَجُلٌ ذَكَرَ اللَّهَ خَالِيًا فَفَاضَتْ عَيْنَاهُ.

(متفق عليه)

Hadis di atas menerangkan tentang tujuh golongan yang mendapat naungan Allah SWT pada hari kiamat.

- (i) Nyatakan maksud 'Pemuda yang hidupnya taat beribadat kepada Allah SWT'. [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** pengajaran daripada hadis di atas. [4 markah]



- (iii) Solat merupakan kunci kejayaan dalam kehidupan seseorang. Kemukakan hujah anda. [4 markah]
- (c) Nyatakan **dua** jenis *mad lazim kalimi*. [2 markah]
- 2 (a) Allah SWT bersifat dengan sifat al-Muntaqim.
- (i) Nyatakan maksud al-Muntaqim. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** kefahaman mengenai nama Allah al-Muntaqim. [4 markah]
- Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan siapakah yang lebih zalim daripada orang yang telah diperingatkan dengan ayat-ayat Tuhannya, kemudian dia berpaling dari-Nya? Sungguh, Kami akan memberikan balasan kepada orang-orang yang berdosa.”

(Surah al-Sajadah : 22)
- (iii) Kemukakan pendapat anda dengan mengaitkan pemahaman ayat di atas terhadap nama Allah SWT al-Muntaqim. [4 markah]
- (b) Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah meyakini bahawa syurga dan neraka itu wujud.
- (i) Nyatakan maksud Ahli Sunnah Wal Jamaah. [2 markah]
- (ii) Jelaskan pandangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dan Khawarij terhadap isu pelaku dosa besar. [4 markah]
- (iii) Terangkan **dua** kepentingan berpegang dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah. [4 markah]



- 3 (a) Solat sunat duha merupakan solat sunat yang dituntut untuk melaksanakannya.
- (i) Nyatakan maksud solat sunat duha. [2 markah]
 - (ii) Jelaskan kaifiat menunaikan solat sunat duha. [4 markah]
 - (iii) Terangkan **dua** hikmah solat sunat duha. [4 markah]
- (b) Faraid ialah pembahagian harta seorang Islam yang telah meninggal dunia kepada anggota warisnya.
- (i) Nyatakan pembahagian harta pusaka mengikut kategori berikut;
 - (1) Suami sekiranya tiada anak.
 - (2) Isteri sekiranya mempunyai anak. [2 markah]
 - (ii) Terangkan **dua** hikmah pensyariaan faraid. [4 markah]



HARIAN METRO, 21 DISEMBER 2009.

- (iii) Berdasarkan pernyataan di atas, mengapakah perkara tersebut boleh berlaku? Kemukakan hujah anda. [4 markah]
- 4 (a) Kerajaan Umayyah muncul selepas tamatnya era pemerintahan Khulafa al-Rasyidin.
- (i) Nyatakan sejarah kerajaan Umayyah secara ringkas. [2 markah]
 - (ii) Jelaskan **dua** faktor kemerosotan kerajaan Umayyah. [4 markah]
 - (iii) Terangkan **dua** iktibar daripada pemerintahan kerajaan Umayyah. [4 markah]

(b) Salahuddin al-Ayyubi merupakan tokoh Islam yang terkenal sehingga hari ini.

- (i) Nyatakan secara ringkas riwayat hidup Salahuddin al-Ayyubi. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** sumbangan beliau dalam sejarah Islam. [4 markah]

Salahuddin al-Ayyubi ialah seorang pemerintah yang prihatin terhadap kebajikan rakyat. Perkara ini wajar dicontohi oleh setiap pemerintah bagi mengekalkan kesejahteraan dan keharmonian negara dan rakyat.

- (iii) Ramalkan situasi yang akan berlaku sekiranya perkara di atas diabaikan. [4 markah]

5 (a) Menjaga alam sekitar merupakan tanggungjawab bersama.

- (i) Nyatakan maksud alam sekitar. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** adab menjaga alam sekitar. [4 markah]

Alam sekitar yang bersih dan tenang membantu proses pembelajaran murid.

- (iii) Huraikan hujah anda bagi menyokong pernyataan di atas. [4 markah]

(b) Konsep wasatiah mudah diamalkan dan dihayati dalam masyarakat.

- (i) Nyatakan maksud wasatiah. [2 markah]
- (ii) Jelaskan prinsip wasatiah dari aspek keseimbangan;
 - (1) Rohani
 - (2) Jasmani [4 markah]
- (iii) Terangkan **dua** hikmah wasatiah. [4 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT